

Agama itu Nasihat

DIDIKAN AKHLAK (7)

Menyucikan jiwa

Hampir-hampir semua agama yang besar-besar di dunia ini menuju kepada kesucian jiwa yakni supaya jiwa seseorang suci bersih daripada segala nista dan dosa dan segala perbuatan mungkar dan haram.

Bagi menyampaikan yang demikian ini pemeluk-pemeluk agama itu berlainan-lainan cara dan perbuatan yang di jalankannya; setengahnya ada yang hampir bersamaan dan sebahagiannya pula bertentangan, termasuk juga dalam perkara ini, berlainan-lainan iktikad dan kepercayaan sebenarnya berlainan cara dan perbuatan ini bukanlah datangnya daripada pembuat agama, yakni Allah subhanahuwataala, tetapi adanya ialah tersebut daripada berlainan faham dan pendapatan manusia, yang kemudian di masukkan atau di katakan datangnya daripada agama.

Kesan-kesan daripada pengajaran tiap-tiap agama itu bukti-buktinya masih dapat dilihat di dunia ini yang dilakukan bukan lagi oleh mereka yang beragama tetapi juga oleh mereka yang tidak beragama. Yang terbanyak diikuti orang tiga macam: tidak kahwin, bertapa dan tidak makan barang-barang yang bernyawa. Tiga perkara ini dipandang sebagai wasilah atau jalan bagi menyucikan jiwa seseorang. Oleh itu di sini saya akan ulas satu persatu dengan serba ringkas, kemudian saya akan terangkan jalan menyucikan jiwa menurut sepanjang keterangan agama Islam. Benar ada di dalam lain-lain agama yang dikerjakan orang

tetapi semuanya itu hampir termasuk dalam tiga cara itu.

Tidak Kahwin

Barangkali di Indonesia masih banyak terdapat faham tentang menyucikan jiwa dengan jalan tidak berkahwin – yang demikian berasal daripada faham dan pendapatan paderi-paderi atau pendeta-pendeta Kristian – bukan menurut keterangan agamanya. Kerana kalau menurut keterangan dan perintah agama tentulah sekalian pemeluk agama Kristian atau sebahagian besarnya tidak berkahwin pada hal bukti yang zahir kepada kita bahawa keadaannya tidak demikian bahkan sebahagian pemeluk agama Kristian tidak menyetujui adanya perkara yang ganjil ini.

Jadi lelaki tidak kahwin kepada perempuan dan perempuan tidak kahwin kepada lelaki itu adalah satu jalan bagi menyucikan jiwa yang di pandang benar oleh paderi-paderi Kristian. Faham yang begini asalnya hendak menauladankan perbuatan Nabi Isa yang hingga akhir hayatnya tiada kahwin – bukan mengikut perintahnya – sebab dalam perkara ini tidak tersua alasannya dalam undang-undang agama Kristian.

Faham menyucikan diri dengan faham tiada berkahwin itu tentulah dipandang benar oleh mereka yang percaya atasnya – kita tak hendak menyalahkan faham dan pendapatnya itu. Kita hanya hendak menerangkan di sini cara yang demikian itu tidak terdapat dalam pengajaran agama Islam bahkan Islam berfaham sebaliknya yakni Islam menggalakkan manusia berkahwin kerana dengan jalan berkahwin itu kehormatan seseorang akan terjaga dan dengan itu pula ia dapat menyucikan jiwanya daripada nista dan kecemaran.

Jika orang bertanya yang mana di antara dua perbuatan ini yang benar? Bagi menjawab pertanyaan ini kita lebih dahulu harus menyelidiki duduknya nafsu syahwat yang ada

dalam diri manusia.

Manusia dihidupkan Tuhan di dunia ini baik lelaki mahu pun perempuan bernafsu syahwat dan perbezaannya pada tentang lebih dan kurang lemah dan kuat sahaja. Ketika manusia sampai ke darjat akil baligh maka nafsu syahwatnya itu minta makanan kepadanya : kalau tidak diberi dengan jalan yang halal dan yang dibenarkan oleh agama nescaya ia mendesak dan terus menuntut walaupun yang bukan layak dan patut baginya : lebih keras pula desakan permintaan nafsu syahwat itu ialah pada ketika barang yang di mintanya itu dekat dan hampir kepadanya.

Oleh itu jika manusia tadi tidak kuat menahannya – dan memangnya tabiat manusia tidak kuat menahannya – nescaya ia akan mendapat penyakit jiwa yang payah disembuhkan. Dengan adanya penyakit jiwa itu nescaya rosaklah kesucian jiwanya tadi. Oleh yang demikian tidak memandang perbuatan tidak kahwin itu jalan bagi menyucikan jiwa.

Ada juga manusia yang menahan nafsu syahwatnya dengan jalan menghilangkan fikiran dan ingatan, yakni lelaki tak mau mengingati keadaan perempuan begitu juga sebaliknya; tetapi jalan ini lebih berat bagi jiwanya, kerana ia harus mengasingkan dirinya daripada pergaulan ramai: kalau tidak telinga dan matanya sentiasa mendengar dan melihat semua yang hendak dijauhkannya.

Kita umpamakan manusia sanggup menahan nafsu syahwatnya sehingga akhir umurnya dengan jalan tidak kahwin ini pun menyalahi tabiat kejadian dan menyalahi perintah dan anjuran agamanya: kalau tabiat manusia itu suka berjuadah kalau tidak kepada yang dihalkkan ia akan terjerumus kepada yang ditegah. Lagi pula agama menganjurkan hal berkahwin sedang ia menegah dirinya daripada berkahwin.

Dengan jalan-jalan yang tersebut itu sangatlah payah diterima oleh akal bahawa manusia dapat menahan nafsu syahwatnya dengan

benar. Kenyataan ini barangkali di akui benar oleh sekalian manusia yang masih mempunyai nafsu syahwat dan akan dibenarkan pula oleh hatinya.

Oleh sebab itu bolehlah kita katakan menyucikan jiwa dengan jalan tiada kahwin itu ialah suatu perbuatan yang menyalahi tabiat manusia dan suatu perbuatan yang boleh mencuburkan manusia ke lembah nista dan cemar : lagi pula jalan ini tak dibenarkan oleh agama Islam. Yang dikecualikan dalam keterangan yang tersebut itu ialah orang-orang yang belum sanggup kahwin atau orang-orang yang belum ada berkemahuan kahwin.

Bertapa

Ada pula orang yang hendak menyucikan jiwa dengan jalan bertapa tiada makan tiada minum, tiada tidur dan tiada berjalan – hanya duduk diam di suatu tempat yang sunyi senyap dan legang dan jauh daripada pergaulan manusia. Dengan jalan ini maksudnya supaya telinga dan matanya tiada terdengar dan melihat barang-barang yang ditegah yang menyebabkan ia mendapat dosa dan murka daripada Allah.

Jalan ini pun menyalahi tabiat dan kejadian manusia. Manusia dihidupkan Tuhan ialah bagi mengadakan berbagai-bagai perubahan dan kemajuan bukan untuk hidup bersendirian atau kepentingan diri sendiri, tetapi untuk dirinya dan masyarakat umumnya.

Dengan jalan bertapa seperti itu sehingga hari kiamat pun manusia tidak akan mencapai kemajuan dan perubahan, dan dengan jalan itu ia telah menia-siakan nikmat Tuhan daripada bermacam-macam haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang semuanya itu dijadikan untuk kepentingan hidup manusia. Selain daripada itu perbuatan yang demikian adalah tidak dibenarkan oleh agama. Cara yang demikian ini kalau penulis tak salah asalnya daripada agama Buddha atau Hindu yang mengadakan peraturan “bersemadi” menyendiri di dalam bilik, yang di dalam bahasa Arab dinamakan

berkhalwat yang kemudian di tiru orang jadi bertapa.

Di dalam agama Islam pun ada cara beriktikaf yakni niat tinggal beberapa hari di dalam masjid untuk beribadat kepada Tuhan tetapi tiada boleh sampai melainkan segala kewajipan hidup, hanya tidak dibenarkan bersetubuh dengan isteri ketika beriktikaf itu, tetapi boleh keluar jika ada keperluan-keperluan yang mustahak.

Ada pun cara bertapa dalam mehrab dengan tidak hendak keluar selama-lamanya, makanan dan minuman di nanti daripada belas kasihan orang, kepentingan hidup anak isteri diserahkan kepada Tuhan, itu pun perbuatan yang yang tidak dibenarkan Islam dan cara yang begini tak ubahnya dengan cara bertapa yang diterangkan di atas tadi.

Tidak Makan Daging

Ada lagi orang yang menyucikan jiwa dengan jalan tiada makan barang yang bernyawa yakni haiwan. Yang demikian ini asalnya daripada faham kaum Tiyusufi yang menegah pengikut-pengikutnya menganiaya binatang sehingga menyembelih binatang untuk di makannya pun ditegahnya. Di dalam hati pemeluk-pemeluknya ditanam perasaan supaya berperasaan belas kasihan kepada semua binatang, yang besar mahu pun yang kecil tidak dibeza-bezakan.

Faham yang demikian ini hingga sekarang belum dapat di jalankan dengan semestinya oleh pemeluk agama Tiyusufi sendiri terutamanya pula oleh orang yang tidak memeluknya. Buktinya masih banyak di antara mereka yang memakai pakaian atau perhiasan atau alat yang dibuat daripada anggota binatang ikat pinggangnya dari kulit binatang, sepatunya demikian juga, piring tempat makannya dari tulang-tulang binatang begitu juga butangnya. Pemakain mereka bermakna membantu bagi membanyakkan pekerjaan penyembelihan binatang : selain daripada itu tidak ada bantahan daripada mereka bagi menghentikan sembelihan binatang, memburu binatang dan mengenderai binatang – pada hal semuanya itu menurut penerangan mereka satu penganiayaan kepada binatang. Mereka juga tidak akan

terlepas daripada membunuh dan memakan binatang seperti pada air minum terdapat banyak kuman-kuman yang semuanya bernyawa yang mesti dikasihani mengikut faham mereka.

Islam menyuruh dengan keras mengasihani binatang dan dengan keras menegah menganiayanya – tetapi caranya tidak dengan faham kaum Tiyusufi. Islam tidak menegah manusia menggunakan binatang bagi keperluan hidup mereka dengan jalan yang baik dan halal kerana semuanya binatang dijadikan Allah untuk kepentingan manusia, bukan untuk binatang sendiri. Oleh kerana alasan mengasihani binatang itu kerap kali di bantah oleh mereka dan tidak kuat mempertahankannya, maka mereka cari alasan lain bagi mempertahankannya, mereka cari alasan lain bagi mempertahankannya tidak makan daging binatang itu dengan mengatakan takut bertabiat sebagai binatang.

Alasan yang akhir ini pun ditolak pula dengan mengemukakan beberapa alasan daripada ahli-ahli pendidik di antaranya dikatakan beberapa banyak orang yang baik-baik dan mulia dan terhormat yang gemar makan daging binatang bahkan di antaranya ada yang segan makan kalau tidak ada daging binatang, dan tidak kurang pula banyaknya orang yang tidak makan daging binatang yang buruk dan jahat perangainya yang menunjukkan kepada jahat jiwanya. Perubahan seseorang itu bukanlah disebabkan didikan dan pengajaran yang diterimanya atau dengan perantaraan pergaulannya. Seseorang walaupun tidak makan daging, kalau ia bergaul dengan penjahat-penjahat tidak di didik dan diberi pengajaran yang baik nescaya hidupnya tidak ada ubahnya daripada mereka yang jahat.

Tiga pandangan tentang cara menyucikan jiwa itu telah di bantah dengan keras oleh agama Islam dan yang demikian itu tidak di benarkan orang-orang Islam mengerjakannya. Anas bin Malik pernah menceritakan :

“Telah datang tiga golongan sahabat ke rumah isteri-isteri Nabi bertanya tentang ibadat Nabi, tatkala mereka di khabarkan mereka seakan-akan berasa kekurangan tentang itu, lalu mereka berkata seorang daripada yang lainnya – “manakah kelebihan

kita daripada Nabi, kuatnya ia beribadat pada hal telah dilindungi Allah dosanya yang telah lalu dan yang akan datang?”

Maka salah seorang daripada mereka berkata: “Kalau begitu saya hendak sembahyang sepanjang-sepanjang malamnya”. Yang lain berkata: “Saya hendak puasa selama-lamanya dan tidak mahu berbuka” dan seorang lagi berkata: “Saya mahu menjauhkan diri daripada perempuan dan tidak mahu kahwin selama-lamanya”. (Menurut riwayat Muslim ada diterangkan bahawa sebahagiannya lagi ada berkata: “Saya tidak mahu makan daging”) maka datanglah Nabi (SAW) kepada mereka lalu berkata: “Kamukah yang berkata begini dan begitu?. Ketahuilah, demi Allah! Akulah yang lebih takut kepada Allah dan lebih berbakti kepadanya daripada kamu! Tetapi aku puasa dan berbuka, aku sembahyang dan tidur dan aku kahwin kepada perempuan, maka barangsiapa tidak menurut caraku maka bukanlah ia daripada golonganku”.

Demikianlah kesimpulan hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang menerangkan bahawa cara-cara menyucikan diri dengan cara tidak kahwin, tidak makan daging dan bertapa itu bukan daripada perbuatan Islam yang mana pemeluk agama Islam sangat-sangat ditegah menjalankannya. Oleh itu semuanya bukanlah dengan jalan tersebut orang akan menyucikan jiwa tetapi adalah dengan jalan lain yang kelak akan diterangkan satu persatu dalam bilangan yang akan datang. Karangan Muhammad Ali dipetik daripada majalah Al-Lisan.

(bersambung)

FARIDAH HANUM

Setia asyik kepada ma'syuknya

4 penggal – sepenggal \$1.00 – pos 10sen.

Beli 4 penggal sekali tiada kena belanja pos.

SEJAHTERA MANUSIA MEMELIHARAKAN LIDAH

(Oleh Pencinta Qalam)

S sejahtera manusia memelihara lidah.
 J jelas selesai menghemburi madah.
 H halus tertib mengandungi kaedah.
 T tutur sepatah memberi faedah.
 R rangkai perkataan didengar indah.
 E elok susunannya difaham mudah.
 M manis laksana penganan zawadah.
 I ikhlas bersih menghilangkan gundah.
 N nasihat ajaran tidak bersudah.
 S sentiasa suci liur dan ludah.
 I iaitulah ikrar sebagai ibadah.
 M mohon kelimpahan Allah Al-Wahdah.
 M mudah-mudahan beroleh saadah.
 L lemah lembut suara merendah.
 Y yakin menurut Rasul ba'dah.
 H hidayah petunjuk datang merendah.
 R rahmat Tuhan tangan menadah.
 A akhirat dunia terlepaslah padah.
 K kekalkan tutur kata berfaedah.
 N nur Al-Huda itu datang mengedah.
 L leher terpenggal cabulnya lidah.
 Y yang naik memuncak eloknya lidah.
 D di jahannam tersembam busuknya lidah.
 H huru hara dunia dolak dalih lidah.